

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 MARCH 2017

10 bukti skandal Forex?

MUKADIMAH

PASUKAN Petugas Khas ditubuhkan kerajaan pada 22 Februari lalu tidak harus mengecilkan skandal yang pernah dibangkitkan bekas Pengurus Kanan Jabatan Ekonomi Bank Negara Malaysia (BNM), Dr. Rosli Yaakop dalam satu forum di Pulau Pinang pada 2 Jun 2012.

Apa yang didedahkan Rosli dipercayai dapat merungkilkan tanda tanya berhubung kerugian urus niaga mata wang asing (forex) oleh BNM sekitar 1990-an.

Pasukan diketuai bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan itu boleh memanggil Rosli sebagai saksi untuk memastikan tiada sesiapa boleh terlepas dari siasatan menyeluruh skandal itu.

Ini termasuklah sejauh mana terdapat tindakan menyembunyikan (cover up) maklumat kerugian tersebut.

Wartawan *Mingguan Malaysia*, ZULKIFLI JALIL memetik kembali pendedahan Rosli dalam tulisannya bertajuk Skandal Wang Asing BNM 1992-93. Ziarah Semula yang dikemasinya bersama pembaca Harakah pada 5 Jun 2012.

ANTARANYA

Um-12/3/2017

- 1 Sebelum 1992-93 lagi, BNM dikatakan telah menjana keuntungan yang agak lumayan dari kegiatan pertukaran wang asing, sekali gus mendorongnya bermain di dalam pasaran kegiatan itu dalam skala semakin besar.
- 2 Para pedagang matawang asing biasanya berjual beli dalam lot USD1 juta, USD5 juta dan paling tinggi USD10 juta. Tetapi BNM berniaga dalam lot USD50 juta dan kadang-kadang dalam lot USD1 bilion (dalam istilah pasaran, ini dipanggil satu ela) dalam sehari.
- 3 Ertinya, BNM memang berjudi di dalam pasaran - satu aktiviti yang tiada kena-mengena langsung dengan fungsi 'mempertahankan nilai ringgit dan mengawal inflasi'.
- 4 Pada 1992, BNM berjudi di dalam pound British (GBP), ia membeli dengan jangkaan GBP akan naik nilai. Pada masa sama, George Soros membuat 'short selling' ke atas GBP (jual dulu dan beli kemudian) kerana dia menjangka nilai GBP akan jatuh di masa hadapan. Jangkaan Soros tepat. Nilai GBP jatuh. BNM rugi USD5.5 bilion dan Soros untung USD1.7 bilion.
- 5 Gabenor Bank Negara ketika itu didakwa berbohong dengan mengumumkan bahawa BNM hanya rugi di atas kertas sebanyak RM9.3 bilion. Hanya kemudian (pada 1993) beliau mengakui BNM rugi RM10.1 bilion.
- 6 Pakar-pakar membuat anggaran bahawa kerugian sebesar itu hanya boleh terjadi kalau BNM berspekulasi dalam pasaran sebanyak US\$27-33 bilion. Jumlah ini 5 kali ganda jumlah rizab BNM pada masa itu dan lebih besar dari nilai aset BNM, iaitu, USD20.7 bilion ketika itu, bermakna BNM sudah bankrap.
- 7 Perjudian BNM di dalam pasaran pertukaran wang asing ini telah dikesan oleh bank pusat Amerika (Federal Reserve Bank) dan gabenornya pada masa itu, Alan Greenspan telah menggesa BNM menghentikan segera perbuatan itu. Tetapi, BNM buat 'tak tahu', ia terus bermain judi dan akhirnya rugi besar lagi pada 1993.
- 8 Sukar diketahuhi dengan tepat kerugian akibat skandal ini. Pemimpin DAP, Lim Kit Siang pernah menyebut di parlimen bahawa jumlah kesemua kerugian ialah RM30 bilion, satu jumlah yang amat menggerunkan.
- 9 BNM mengakui kerugian sebanyak RM10.1 bilion dalam tahun 1992 dan RM5.7 bilion dalam tahun 1993. Jumlahnya RM15.8 bilion, kira-kira setengah dari anggaran pakar. Jumlah yang diakui oleh BNM itu memang secara muslihat direndahkan.
- 10 Empat orang harus dipertanggungjawabkan sepenuhnya di atas kerugian gergasi yang ditanggung BNM akibat skandal ini. Mereka ialah Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Gabenor BNM, Tan Sri Jaffar Hussein dan Nor Mohamed Yakcop.



DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri
19 Februari 2017



DATUK SERI ANWAR IBRAHIM
Ketua Umum PKR
19 Julai 2006



LIM KIT SIANG
Pemimpin DAP
4 Jun 2012

PERLU disemak akaun bank peribadi individu-individu yang dikaitkan dengan aktiviti forex berkenaan jika mahu penubuhan Pasukan Petugas Khas itu benar-benar berkesan. Aktiviti itu mungkin dilakukan hasil desakan beberapa pihak yang mahu menjana kekayaan menggunakan aset negara secara langsung atau tidak langsung.

Cadangan ini boleh melibatkan beberapa individu yang berkuasa pada masa itu termasuklah Dr. Mahathir dan Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim jika pasukan berkenaan dibenar berbuat demikian."



ROSLI YAAKOP
Bekas Pengurus Kanan Jabatan Ekonomi BNM
16 Februari 2017

SIASATAN perlu dilakukan ke atas Dr. Mahathir bersama dua bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sekiranya Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi merungkilkan kembali skandal ini 25 tahun lalu.

Selain kesemua individu tersebut yang berada di dalam kerajaan pada era 1990-an, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang kini merupakan Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd, juga dilihat wajar disoal siasat memandangkan beliau berkhidmat bersama BNM dalam tempoh sama."



DATUK ABDUL MURAD KHALID
Bekas Penolong Gabenor BNM
8 Februari 2017